

19/12/1998

Calon TPM belum diputus

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum membuat keputusan mengenai calon Timbalan Perdana Menteri yang baru dan masih menimbang mereka yang layak.

Perdana Menteri berkata, walaupun sebelum ini membuat pengumuman untuk melantik timbalannya sebelum pemilihan pucuk pimpinan Umno pertengahan tahun depan, beliau masih menimbang calon yang sesuai

"Saya masih memikirkannya dan saya belum buat keputusan," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua rancangan Felda di sini, hari ini.

Ditanya apakah sudah mempunyai calon yang layak, beliau berkata: "Memang ramai calon sedang saya fikirkan, termasuk mereka yang menganggap diri mereka layak".

Mengenai kemungkinan Timbalan Perdana Menteri dipilih bukan dari kalangan mereka yang menjadi Naib Presiden Umno, Dr Mahathir berkata, beliau tidak boleh mengumumkan perkara itu.

"Tidak boleh bagi tahu. Bagi tahu kamu susahlah. Nanti orang luar marah, Naib Presiden marah. Tidak bolehlah ..." katanya.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri kosong setelah Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan jawatan itu dan jawatan Menteri Kewangan pada 2 September dan dipecat daripada Umno sehari selepas itu.

(END)